



PEKELILING PERJAWATAN NEGERI SARAWAK BILANGAN 12 TAHUN 2019

DARIPADA : Setiausaha Kerajaan,
Sarawak.

KEPADA: Semua Setiausaha Tetap
Kementerian
Semua Residen Bahagian
Semua Ketua Jabatan Negeri

SALINAN Setiausaha Kewangan Negeri
KEPADA:

PERKARA: **Kadar Baharu Kelayakan Bayaran Sewa Hotel Bagi Pegawai
Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) kerana Menjalankan
Tugas Rasmi di Dalam Malaysia**

RUJUKAN: (35)JKM/SHRU/TM/ TARIKH: 8 MEI 2019
500-315/1/2/JLD.2

1. TUJUAN

Surat Pekeliling Perjawatan ini bertujuan untuk memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk **melaksanakan Kadar Baharu Kelayakan Bayaran Sewa Hotel bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak kerana Menjalankan Tugas Rasmi di dalam Malaysia.**

2. LATAR BELAKANG

Kelayakan Bayaran Sewa Hotel bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak kerana menjalankan tugas rasmi di dalam Malaysia adalah seperti berikut;

- i. Perintah Am 62, Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri, 1996; dan
- ii. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2003 yang telah diterimapakai melalui Pekeliling Perj. Bil.34/2004 ruj. 5/EO/1801/Jld.7 bertarikh 17 Disember 2004 seperti pada Perenggan 4 : Bertugas Rasmi di Dalam Negeri 4.3.1 (b) – Bayaran Sewa Hotel (Sabah, Labuan dan Sarawak); dan

" Together We Drive The Workforce In The Civil Service To Be World Class "

**PEJABAT PENGARAH
UNIT SUMBER MANUSIA NEGERI**

No. Telefon : 082-313713
No. Faks : 082-447214

Seksyen Khidmat Pengurusan
No. Telefon : 082-312815
No. Faks : 082-311493

**BAHAGIAN POLISI &
TRANSFORMASI SUMBER**

Seksyen Penilaian Polisi dan Komunikasi
Sumber Manusia
No. Telefon : 082-449237
No. Faks : 082-440033

Seksyen Transformasi Sumber Manusia
No. Telefon : 082-449237
No. Faks : 082-440033

Seksyen Pengurusan Maklumat
No. Telefon : 082-449237
No. Faks : 082-449490

BAHAGIAN PENGURUSAN BAKAT

Seksyen Pengambilan
No. Telefon : 082-319593
No. Faks : 082-311478/445637

Seksyen Disiplin
No. Telefon : 082-443502
No. Faks : 082-312923

Seksyen Kemudahan & Anugerah
No. Telefon : 082-312537
No. Faks : 082-445618

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN
ORGANISASI**

Seksyen Perancangan dan Pengurusan Kapasiti
No. Telefon : 082-446415
No. Faks : 082-443970

Seksyen Pengurusan Strategik Organisasi
No. Telefon : 082-312857
No. Faks : 082-440033/082-449490

**BAHAGIAN SOKONGAN
PEKERJA**

Seksyen Pengurusan Perubahan Budaya
No. Telefon : 082-319941
No. Faks : 082-312361

Seksyen Khidmat Sokongan Pekerja
No. Telefon : 082-319941
No. Faks : 082-312361

- iii. Perenggan 3 (a) Bayaran Sewa Hotel di Semenanjung Malaysia, Surat Pekeliling (Perj. Bil. 28/2009): Pindaan Tuntutan Elaun dan Bayaran Sewa Hotel Penjawat Awam Negeri Sarawak bagi **Gred 1 hingga 52 sahaja semasa bertugas rasmi di Semenanjung Malaysia.**

3. KADAR KELAYAKAN BAHARU

- 3.1 **Kadar Baharu kelayakan Bayaran Sewa Hotel** bagi Penjawat Awam Negeri adalah seperti di **Lampiran A.**
- 3.2 Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, maka permohonan menginap dihotel melebihi kadar kelayakan adalah **TIDAK DIBENARKAN.**

4. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 4.1 **Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab** memastikan **kadar baharu ini dipatuhi sepenuhnya oleh pegawai di jabatan masing-masing.**
- 4.2 Garis panduan dan kawalan dalaman yang sesuai hendaklah diwujudkan di Jabatan masing-masing sebagai satu bentuk kawalan bagi mengelakkan pembaziran.

5. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Perjawatan Negeri ini berkuat kuasa **mulai 21 Februari 2019.**

6. PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perjawatan ini perenggan-perenggan berikut adalah dibatalkan.

- i. **Perenggan 4 : Bertugas Rasmi di Dalam Negeri 4.3.1 (b)** – Bayaran Sewa Hotel (Sabah, Labuan dan Sarawak) dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2003 yang telah diterimapakai melalui Pekeliling Perj. Bil. 34/2004 ruj. 5/EO/1801/Jld.7 bertarikh 17 Disember 2004. seperti berikut adalah dibatalkan; dan
- ii. **Perenggan 3 (a)** Bayaran Sewa Hotel di Semenanjung Malaysia dalam Surat Pekeliling (Perj. Bil. 28/2009) : Pindaan Tuntutan Elaun dan Bayaran Sewa Hotel Penjawat Awam Negeri Sarawak bagi **Gred 1 hingga 52 sahaja semasa bertugas rasmi di Semenanjung Malaysia sahaja.**

7. PEMAKAIAN

Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perjawatan Negeri ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"



TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL GHANI
Setiausaha Kerajaan Negeri
Sarawak

**KADAR KELAYAKAN BAYARAN SEWA HOTEL BAGI PEGAWAI PANS
KERANA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI DALAM MALAYSIA**

Gred	KADAR BAHARU BAYARAN SEWA HOTEL (RM)	
	Negeri di Msia selain Sarawak	Sarawak
Utama/Khas 'A' dan ke atas	Kekal	Kekal
Utama/Khas 'B' dan 'C'	Kekal	Kekal
53 dan 54	Kekal	Kekal
45 hingga 52	350	300
41 hingga 44		
17 hingga 40	280	220
1 hingga 16	200	180